

PERIHAL WASIAT MANTAN PM MENDIANG LEE KUAN YEW

Suet Fern dirujuk ke Persatuan Guaman kemungkinan salah laku profesional

PEJABAT Peguam Negara (AGC) telah merujuk satu kes kepada Persatuan Guaman di atas kemungkinan salah laku profesional oleh Cik Lee Suet Fern, yang merupakan menantu mantan Perdana Menteri Singapura, mendiang Encik Lee Kuan Yew, semasa beliau menyediakan wasiat terakhirnya.

Dalam satu kenyataan semalam, AGC berkata rujukan itu bukan berkaitan dengan kesahihan wasiat terakhir mendiang Encik Lee.

Perkembangan terbaru itu merupakan yang terkini dalam perselisihan yang berlarutan antara Perdana Menteri Encik Lee Hsien Loong dan adik-beradiknya, Encik Lee Hsien Yang dan Dr Lee Wei Ling, berkaitan nasib rumah bapa mereka di 38 Oxley Road.

Menyadari bahawa terdapat kemungkinan kes salah laku profesional oleh Cik Lee, AGC berkata ia mempunyai tanggungjawab menangani salah laku oleh para peguam.

La menambah pihaknya diperlukan menimbang sekiranya hal tersebut dirujuk kepada Persatuan Guaman di bawah seksyen 85 (3) Akta Kerjaya Guaman.

AGC berkata, Cik Lee seolah-olah telah menyediakan wasiat terakhir mendiang Encik Lee dan mengaturnya agar beliau melaksanakannya, meskipun terdapat fakta bahawa suaminya, Encik Lee Hsien Yang, merupakan salah seorang benefisiari dalam wasiat tersebut.

la menyatakan bahawa bahagian Encik Lee Hsien Yang meninggal dalam wasiat terakhir itu, manakala Encik Lee Hsien Yang pula telah mendedahkan secara terbuka bahawa wasiat terakhir itu telah dilakarkan oleh Cik Kwa Kim Li daripada firma guaman Lee & Lee.

Namun Cik Kwa telah menafikan yang beliau melakukannya. AGC memetik Peraturan Kerjaya (Tingkah Laku Profesional) Guaman, mengatakan ia memerlukan para peguam untuk tidak meletakkan diri mereka dalam kedudukan yang menimbulkan konflik.

"Apabila seseorang itu bertujuan menyediakan hadiah penting menerusi wasiat kepada mana-mana anggota keluarga peguam, maka peguam tersebut tidak boleh bertindak bagi orang tersebut dan mesti menasihatkannya untuk mendapatkan nasihat berikhtisar berkaitan hadiah itu.

"Peraturan ini dikenakan meskipun peguam itu ada kaitan dengan orang yang ingin berikan hadiah tersebut," kata AGC.

Tingkah laku Cik Lee seolah-olah menyalahi peraturan tersebut, katanya.

Timbalan Peguam Negara, Encik Lionel Yee, telah menilai kes tersebut selepas Peguam Negara, Encik Lucien Wong, menarik diri, kata AGC.

Encik Wong berbuat demikian memandangkan beliau sebelum ini adalah peguam peribadi Perdana Menteri, Encik Lee.

AGC menambah ia telah menulis kepada Cik Lee beberapa kali sejak Oktober lalu memintanya menerangkan kedudukan tersebut dan peranannya, dan jika ada, dalam menyediakan wasiat terakhir itu.

"Cik Lee juga telah diyakinkan bahawa sekiranya beliau mempunyai penjelasan yang baik di atas peranannya itu, maka hal tersebut akan berakhir.

"Namun, meskipun selepas meminta lanjutan tempoh untuk memberikan responsnya, Cik Lee tidak menjawab soalan-soalan yang AGC kemukakan," kata AGC.

Memandangkan Cik Lee tidak menjawab soalan tersebut, maka AGC merujuk kes itu kepada Persatuan Guaman, dan Encik Yee telah juga meminta agar ia dirujuk kepada sebuah Tribunal Disiplin.

"Dalam merujuk hal itu kepada Persatuan Guaman, AGC tidak membuat sebarang dapatan mengenai merit kes itu.

"AGC tidak menentukan bersalah atau tidak bersalah," kata AGC yang menambah bahawa terputus kepada Tribunal Disiplin yang dilantik Hakim Besar untuk menyiasat, menentukan sekiranya ada salah laku dan apa tindakan yang patut diambil, sekiranya ada.

Menulis di Facebook kelmarin, Dr Lee Wei Ling telah mempersoalkan langkah AGC itu.

Dr Lee berkata AGC sekadar mengulangi dakwaan yang dibuat oleh PM Lee Hsien Loong beberapa tahun lalu dan tindakan undang-undang sebegini tidak pernah dilakukan berhubung wasiat privat.

Kata Dr Lee, bapa beliau, mendiang Encik Lee Kuan Yew, seorang peguam yang amat dihormati, serta benefisiari lain, termasuk PM Lee Hsien Loong tidak pernah mengadu tentang wasiat itu.

"Justeru, mengapakah ada serangan baru ke atas wasiat bapa kami?"

"Kenapa perkara ini dimulakan sekarang, dan oleh AGC selepas sekian lama. Pandangan kami adalah tindakan ini keseluruhannya adalah tanpa merit," kata Dr Lee.



KES DIRUJUK: AGC berkata Cik Lee Suet Fern seolah-olah telah sediakan wasiat terakhir mendiang Encik Lee Kuan Yew dan mengaturnya agar mendiang melaksanakannya meskipun suami Cik Lee, Encik Lee Hsien Yang, merupakan salah seorang benefisiari dalam wasiat terakhir itu. - Foto fail

Hari pertama bermakna bagi pelajar maktab rendah yang digabung



SARAPAN PAGI BERSAMA: Pelajar TMJC bersarapan pagi bersama semalam. Makanan seperti pastri, biskut dan buah-buahan serta air kotak disediakan oleh pihak sekolah.



BENDERA SEKOLAH BARU: Para pelajar dan kakitangan Maktab Rendah Tampines Meridian (TMJC) berdiri penuh hormat semasa bendera baru TMJC dikibarkan seiringi bendera kebangsaan semasa perhimpunan pagi di hari pertama sekolah mereka semalam. - Foto-foto BH oleh ALPHONSUS CHERN

Maktab Rendah Tampines Meridian antara yang digabungkan tahun ini menyusuli kadar kelahiran Singapura yang makin merosot

PERASAAN para pelajar pada hari pertama sekolah mungkin bercampur-baur.

Bagi kohort tahun kedua Maktab Rendah Tampines Meridian (TMJC), semalam merupakan hari yang cukup bersejarah kerana ia merupakan hari pertama dalam tahun akademik bagi sekolah yang digabungkan itu.

Semasa perhimpunan pagi di TMJC, sementara lagu kebangsaan dinyanyikan dan ikrar kebangsaan dilafazkan, tiada lagu sekolah yang dimainkan, menurut laporan *The Straits Times*.

Pelajar dan kakitangan sekolah tersebut juga berdiri dengan penuh hormat sambil memerhatikan bendera Maktab Rendah Tampines dan Maktab Rendah Meridian diturunkan, sebelum bendera TMJC dikibarkan.

Dalam ucapannya kepada pelajar, pengetua baru TMJC, Cik Pamela Yoong, berkata ia adalah "peringatan kepada kita semua bahawa kita harus meneruskan warisan dan budaya kedua kolej asal".

Selain TMJC, yang kini menggunakan bangunan Meridian JC lama di Pasir Ris, maktab rendah lain yang digabungkan termasuk Ander-

son Serangoon JC, Jurong Pioneer JC dan Yishun Innova JC.

Gabungan lapan maktab rendah tersebut diumumkan Kementerian Pendidikan (MOE) pada April 2017 disebabkan kadar kelahiran Singapura yang semakin merosot.

MOE juga berkata tahun lalu bahawa maktab rendah yang digabungkan akan mengekalkan nama asal kedua sekolah, dengan maktab rendah yang lebih tua diutamakan.

Pelajar TMJC, Abdul Qayyum Zaki Zulkifli, 17 tahun, yang ghairah memulakan tahun persekolahan baru berkata:

"Pada hari pertama kami di sekolah tahun lalu, kami diperkenalkan kepada kemudahan serta budaya sekolah... pelajar lebih dewasa melakukan tarian *flash-mob* (beramai-ramai secara serentak) untuk kami."

Namun tahun ini agak berlainan. Kohort sebesar 850 pelajar itu berkumpul di kantin sekolah setelah perhimpunan pagi bagi sarapan beramai-ramai yang disediakan sekolah tersebut.

Menurut guru Sastera Inggeris, Encik Wee Li-

ang Tong, ini merupakan tradisi yang diteruskan daripada Tampines JC.

"Ini adalah cara kami menunjukkan bahawa kami prihatin terhadap pelajar. Meskipun mungkin bukan dengan sarapan, kami akan melakukannya dengan cara lain sepanjang tahun," kata Encik Wee, 44 tahun.

Seluruh sekolah juga berkumpul untuk menyaksikan pertandingan bola sepak antara pelajar dan guru lelaki di padang baru TMJC.

TMJC juga akan memberikan seragam sekolah secara percuma kepada setiap pelajar tahun kedua.

Seragam sekolah tersebut direka dengan maklum balas daripada pelajar dan kakitangan. Lebih daripada seragam dan budaya sekolah baru, para pelajar juga perlu menyesuaikan diri dengan guru-guru baru.

Pelajar Jolin Teo, 17 tahun, yang mempunyai guru kelas dan guru Kertas Am (GP) baru berkata:

"Kami tahu tentang pergabungan ini sebelum kami masuk ke sekolah, jadi apabila ia berlaku, ia bukanlah suatu kejutan.

"Kami menganggapnya lebih sebagai pengalaman yang baru... saya percaya guru-guru akan membimbing kami dengan baik."

Sementara itu, lagu, misi, visi dan nilai sekolah tersebut masih belum ditetapkan.

Cik Yoong berkata beliau mahu melibatkan pelajar baru dalam keputusan tersebut kerana mahu identiti sekolah dimiliki semua.

Optic point
THE EYECARE CENTRE

- A) 6 mth to 5 yrs: Baby & Toddler Eye Screening Services
- B) 6 yrs to 16 yrs: Myopia Control Management & Child-friendly Eye Exam
- C) 17 yrs to 39 yrs: Contact Lenses Services & Regular Eye Exam
- D) 40 yrs to 50 yrs: Progressive (Multi-Focal) & Near-Work cum Office vision needs
- E) 50 yrs & above: Screening for Age-Related Eye Problem, i.e. Glaucoma, Cataract etc
- F) Sports Wraparound Prescriptive Lens for Golfing, Cycling, Running & Fishing
- G) Birthday Promo '1-For-1' EyeShield UV Blue Spec Lens for those celebrating their B'day every month

Too Payoh North
#01-11, Bk 595 (between SPH & MUE) Tel: 6259 0677

Orchard Road
#01-02 H11 Building (next to Thai Embassy) Tel: 6737 8888

Janet CHUNG
Clinical Director Registered Optician & Optometrists Board

Mark NG
Clinical Director Registered Optician & Optometrists Board

WhatsApp / SMS : 96393777 for appointment

Berita Harian NOTIS

MENGENAI PERKARA AKTA SYARIKAT (BAB 50) DAN MENGENAI PERKARA GROMAKS PTE. LTD. (Pembubaran Sukarela Para Kreditor) No. Pendaftaran Syarikat 200804119W ("Syarikat tersebut")

NOTIS MESYUARAT TERAKHIR

DENGAN NOTIS INI DIMAKLUM bahawa menurut Seksyen 308 Akta Syarikat, Bab 50, Mesyuarat Terakhir untuk Syarikat dan kreditor akan diadakan di 112 Robinson Road 8th Floor Singapura 068902 pada 8th Februari 2019 jam 10:00 pagi untuk tujuan membentangkan akaun dalam mesyuarat bagi menerangkan cara bagaimana pembubaran dilaksanakan dan harta milik Syarikat diuruskan serta mendengar sebarang penerangan yang mungkin diberi oleh Para Pembubar.

Tarikh notis ini: 8th Januari 2019
Kelvin Thio
Terence Ng
Bersama dan Beberapa Pembubar
c/o 112 Robinson Road 8th Floor
Singapura 068902

